

22 MAY 2003

RAM-TNB/I

TNB RUGI KURANG RM10 JUTA EKORAN DISKAUN BIL HOTEL

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) dijangka akan kerugian kurang RM10 juta berikutan rebet lima peratus yang diberikan ke atas bil elektrik hotel selama enam bulan.

Bagaimanapun, menurut Rating Agency Malaysia Bhd (RAM): "Ia tidak akan memberi kesan besar kepada prestasi kewangan TNB."

Pada tempoh enam bulan berakhir 28 Feb. 2003, TNB mencatat perolehan RM7.9 bilion dan keuntungan sebelum cukai RM882.6 juta.

Menurut RAM dalam satu kenyataan di sini hari ini, anggaran kerugian itu dibuat berdasarkan kepada penggunaan purata bulanan elektrik di sekitar RM20 juta hingga RM30 juta.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pakej strategi baru bernilai RM7.3 bilion untuk membantu negara menghadapi ketidakpastian global dan membantu sektor-sektor yang terjejas berikutan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

Antara yang disebutkan dalam pakej itu adalah hotel akan menikmati diskaun lima peratus dalam bil elektrik mereka untuk tempoh enam bulan dari 1 Jun hingga 31 Dis ini.

RAM memetik TNB sebagai memberitahu bahawa sebanyak 6,100 institusi kini diklasifikasikan sebagai hotel. Ia membentuk sekitar 0.1 peratus daripada 5.8 juta pelanggan TNB. -- BERNAMA

WNA SD JR